

MAJLIS MESYUARAT NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

**MESYUARAT KEDUA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KE-21
MAJLIS MESYUARAT NEGARA BAGI TAHUN 2025**

**PERINTAH HARIAN
ISNIN, 4 OGOS 2025**

PH01/02/2025

9:30 PAGI

1

1. MEMBACA DOA

2. UCAPAN YANG DI-PERTUA

3. PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

- 1) **[PL267] : Yang Berhormat Dayang Chong Chin Yee** meminta **MENTERI KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN** menyatakan adakah Kementerian akan melaksanakan penilaian projek dan landskap bagi penjagaan kanak-kanak berasaskan komuniti yang dikendalikan oleh NGO di Brunei, termasuk yuran berpatutan untuk keluarga berpendapatan rendah, bagi meringankan beban penjagaan dan menggalakkan penyertaan wanita dalam tenaga kerja? Ini adalah seperti mana *PAP Community Foundation Sparkletots* di Singapura dan *Employer-Supported Childcare* di Kemboja.

- 2) **[PL274] : Yang Berhormat Dayang Chong Chin Yee** meminta **MENTERI PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI** menyatakan adakah Kementerian akan mempertimbangkan bagi pelaksanaan *Hidden Disabilities Sunflower Lanyard Programme* (Program Lanyard Bunga Matahari) di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei, dengan kerjasama Royal Brunei Airlines dan NGO tempatan? Ini adalah bagi meningkatkan aksesibiliti dan mempromosikan Brunei sebagai hab pelancongan yang inklusif, serta perkembangan gerakan global dalam menyokong pengembara dengan ketidakupayaan tersembunyi.

-
- 3) **[PL229] : Yang Berhormat Awang Lawi bin Haji Lamat** meminta **MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI** menyatakan adakah bekas banduan yang telah insaf diberikan peluang pekerjaan yang adil dalam sektor awam? Adakah Kerajaan akan mempertimbangkan mekanisme pemulihan atau pembersihan rekod jenayah bagi menyokong keadilan sosial serta mengurangkan kadar jenayah berulang selaras dengan nilai inklusif negara?
- 4) **[PL147] : Yang Berhormat Awang Zainol bin Haji Mohamed** meminta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah pendekatan Kementerian dalam memastikan pelaksanaan pendidikan khas di semua institusi pendidikan, termasuk sektor swasta, mematuhi garis panduan secara konsisten, khususnya dalam aspek penilaian keperluan murid, penempatan yang sesuai, serta penyediaan fasiliti dan kepakaran yang memenuhi standard minimum?
- 5) **[PL154] : Yang Berhormat Awang Zainol bin Haji Mohamed** meminta **MENTERI KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN** menyatakan apakah usaha Kementerian untuk memperkukuh kemudahan sukan dan rekreasi di peringkat akar umbi bagi memastikan ia dapat diakses secara adil oleh semua lapisan masyarakat termasuk wanita, warga emas dan OKU yang mana berperanan sebagai medium pembentukan sahsiah, perpaduan komuniti dan kesejahteraan sosial dalam memastikan pembangunan daerah yang seimbang dan inklusif.
- 6) **[PL183] : Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman** meminta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah usaha tambahan Kementerian yang diluar dari pembelajaran dan pengajaran biasa (*normal teaching*), untuk membantu pelajar-pelajar *under-performing* yang patut diberi perhatian sebagai tambahan kepada pembelajaran dan pengajaran mereka?
- 7) **[PL220] : Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Md. Yusof** meminta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah akan ada perancangan untuk memperkenalkan pensijilan khusus bagi pelajar-pelajar Tahun 7, 8 atau 9 yang *low-academic achievers*? Memandangkan *retention system* tidak lagi diamalkan dalam dasar SPN21. Ini adalah untuk membolehkan *multiple pathways* dan pendedahan teknikal awal serta mempersiapkan ke TVET tanpa kelulusan O Level bagi pelajar-pelajar tersebut.

-
- 8) **[PL225] : Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Md. Yusof** meminta **MENTERI KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN** menyatakan sejauh manakah pihak penguatkuasa memantau agar pusat-pusat penjagaan kanak-kanak memenuhi Akta Kanak-Kanak dan Orang Muda (2006) yang merangkumi aspek perlindungan, pengawasan, pemakanan, kesihatan, kebersihan, kebajikan, dan keselamatan, demi menjaga kemaslahatan serta kesejahteraan kanak-kanak? Ini mengambil kira peningkatan kos pembantu rumah yang menyebabkan ramai kanak-kanak dihantar ke pusat jagaan.
- 9) **[PL231] : Yang Berhormat Awang Lawi bin Haji Lamat** meminta **MENTERI KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN** menyatakan apakah garis panduan dan kerangka perundangan yang membolehkan kaunselor melawat rumah klien secara rasmi? Adakah waran atau perintah rasmi diperlukan dan apakah SOP yang digunakan untuk memastikan intervensi terutama kes kanak-kanak dan keluarga rentan-dilaksanakan secara beretika, sah, dan profesional?
- 10) **[PL182] : Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman** meminta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah Kementerian mempunyai rancangan untuk melahirkan generasi *smart kids*, yang mempunyai paras intelek (*IQ*) yang *above-average* mempunyai kemahiran *problem-solving*, kreatif dan memahami konsep-konsep yang kompleks?
- 11) **[PL167] : Yang Berhormat Awang Haji Daud bin Jihan** meminta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sejauh manakah keberkesanan Akta Pendidikan Wajib dan tindakan yang diambil sekiranya ada ibubapa atau penjaga yang telah diambil tindakan kerana tidak menghantar anak-anak mereka bersekolah?
- 12) **[PL227] : Yang Berhormat Awang Lawi bin Haji Lamat** meminta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah perancangan jangka pendek dan panjang Kementerian Pendidikan untuk menangani sekolah yang mengalami penurunan jumlah murid? Adakah Kementerian mempertimbangkan penyatuan sekolah, pengoptimuman sumber, atau penempatan semula murid secara terancang, bagi memastikan mutu pendidikan terpelihara dan tiada yang tercicir?

-
- 13) **[PL166] : Yang Berhormat Awang Haji Daud bin Jihan** meminta **MENTERI KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN** menyatakan adakah program yang dikendalikan Jabatan Pembangunan Masyarakat untuk membantu penerima-penerima bantuan kebajikan yang berpotensi untuk bekerja di sektor Kerajaan dan swasta masih berjalan dan sejauh manakah keberkesanannya?
- 14) **[PL201] : Yang Berhormat Dayang Hajah Rosmawatty binti Haji Abdul Mumin** meminta **MENTERI SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN** menyatakan apakah pandangan Kementerian berkenaan persediaan bagi skim tapak pertanian dalam keadaan yang tersedia untuk diusahakan lengkap dengan infrastruktur asas (*plug and play*) dan juga menyediakan skim pembiayaan berperingkat untuk menyokong keperluan pengusaha-pengusaha baharu warga tempatan? Sesi dialog dengan usahawan muda, cabaran utama sektor pertanian adalah kekurangan infrastruktur asas dan kesukaran mendapatkan pembiayaan awal.
- 15) **[PL286] : Yang Berhormat Awang Haji Md. Salleh bin Haji Othman** meminta **MENTERI SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN** menyatakan apakah perancangan Kementerian berkenaan program peladang muda yang diperkenalkan suatu ketika dahulu? Adakah ada pengajian semula untuk memberikan nafas baharu dengan pendekatan moden seperti agro-teknologi dan keusahawanan tani digital untuk menarik minat belia, mengurangkan pengangguran dan menjana ekonomi luar bandar secara mampan?
- 16) **[PL176] : Yang Berhormat Awang Lau How Teck** meminta **MENTERI PEMBANGUNAN** menyatakan adakah Kementerian merancang untuk memulihara semula kawasan-kawasan tumpuan awam lama seperti taman permainan, tempat riadah dan bangunan pasar awam, agar kekal relevan dengan gaya hidup masa kini serta mesra keluarga?
- 17) **[PL170] : Yang Berhormat Awang Lau How Teck** meminta **MENTERI KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN** menyatakan apakah inisiatif Kementerian untuk membangunkan *platform* bagi pemasaran dan penjualan produk-produk belia, termasuk bimbingan pemasaran dan akses kepada pasaran luar negara?

-
- 18) **[PL252] : Yang Berhormat Awang Abdul Aziz bin Haji Hamdan** meminta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah peranan pihak Kementerian di dalam menerapkan para pelajar untuk membudayakan seni warisan dan budaya ini agar terus dipelajari di peringkat sekolah rendah, menengah dan institusi tinggi? Ini bagi memastikan usaha dalam memperkasakan seni warisan dan budaya Brunei agar tidak pupus ditelan zaman.
- 19) **[PL248] : Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji Aliuddin** meminta **MENTERI SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN** menyatakan selain dari penyediaan tapak, memudahcara dalam penyambungan elektrik dan air ke tapak berkenaan dan projek perintis yang dibuat sebelum ini, apakah langkah-langkah lain yang ada dalam perancangan kementerian bagi melahirkan belia dalam industri pertanian dan agri-makanan yang mampan?
- 20) **[PL228] : Yang Berhormat Awang Lawi bin Haji Lamat** meminta **MENTERI PEMBANGUNAN** menyatakan apakah perancangan jangka pendek dan panjang Kementerian Pembangunan dalam menyediakan jalan penghubung darat yang efisien di Kampung Menunggol? Ini penting bagi meningkatkan taraf hidup, mobiliti, dan peluang ekonomi penduduk, serta menggalakkan pembangunan luar bandar selaras Wawasan Brunei 2035.
- 21) **[PL209] : Yang Berhormat Dr. Awang Haji Mahali bin Haji Momin** meminta **MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI DAN MENTERI KEWANGAN DAN EKONOMI II** menyatakan apakah langkah Kementerian untuk mempercepatkan pembayaran projek kerajaan yang telah siap kepada pengusaha-pengusaha muda tempatan dan peniaga-peniaga Melayu? Ini bagi menjamin kesinambungan, kemajuan dan perkembangan peniaga kecil dan sederhana ini memandangkan isu tersebut telah dibangkitkan dalam sesi muzakarah bersama mereka.
- 22) **[PL156] : Yang Berhormat Awang Amran bin Haji Maidin** meminta **MENTERI PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI** menyatakan apakah boleh persatuan, khususnya persatuan 4x4, untuk mendaftarkan kenderaan berat bekas Kementerian Pertahanan yang telah berjaya dibeli melalui jualan lelong? Ini mengambil kira kesesuaian kenderaan ini bagi membantu penghantaran barang-barang sewaktu banjir.

-
- 23) **[PL249] : Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji Aliuddin** meminta **MENTERI SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN** menyatakan setakat manakah kemajuan yang dicapai bagi penternakan *blue shrimp*? Adakah pihak kerajaan juga akan membantu penternak tempatan yang dari dulu sudah berusaha dan berkecimpung dalam penternakan ini?
- 24) **[PL217] : Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Md. Yusof** meminta **MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh manakah kesediaan negara bagi mempertimbangkan penubuhan Mahkamah Muamalat Khas atau memperkenalkan *dual reference system* antara undang-undang sivil dan syariah untuk memantapkan sistem kewangan Islam? Ini kerana kewangan Islam adalah dibawah bidang kuasa *Islamic Banking Order* (2008). Namun, jenis-jenis kontrak syariah seperti *Musharakah*, *Ijarah* dan *Commodity Murabahah* yang diamalkan dalam perbankan Islam, tidak diperincikan.
- 25) **[PL179] : Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman** meminta **MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI DAN MENTERI KEWANGAN DAN EKONOMI II** menyatakan bagaimanakah situasi semasa ekonomi Negara Brunei Darussalam pada masa ini? Apakah langkah Kementerian Kewangan dan Ekonomi untuk meningkatkan pertumbuhan ekonomi negara melalui *economic diversification* dan pelaburan asing, pada mana kejayaan dalam kedua-dua ini dijangka membawa impak yang besar kepada ekonomi negara.
- 26) **[PL157] : Yang Berhormat Awang Amran bin Haji Maidin** meminta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sejauh manakah sumbangan Persatuan Ibu Bapa Guru dapat menyumbang kepada kemajuan pendidikan sekolah? Memandangkan syarat keahlian PIBG iaitu mesti anak bersekolah di sekolah berkenaan, bolehkah ini diubah bagi memudahkan pihak sekolah melantik ahli PIBG khususnya bagi jawatan pengerusi dan setiausaha?

- 27) **[PL280] : Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin** meminta **MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI DAN MENTERI KEWANGAN DAN EKONOMI II** menyatakan bilakah Kementerian akan melaksanakan *Service Level Agreement* (contoh: pembayaran dalam 30 hari), mekanisme pemantauan *digital real time*, serta pertimbangan bayaran faedah kelewatan atau pampasan untuk kontraktor yang tertangguh, memandangkan masih terdapat isu kelewatan pembayaran kepada syarikat tempatan melalui TAFIS 2.0 yang membebankan aliran tunai dan kelangsungan perniagaan.
- 28) **[PL149] : Yang Berhormat Awang Zainol bin Haji Mohamed** meminta **MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI DAN MENTERI KEWANGAN DAN EKONOMI II** menyatakan apakah pendekatan Kementerian dalam memperkukuh keyakinan terhadap pasaran serta perkhidmatan tempatan agar ekonomi domestik kekal berdaya saing dan tidak terus mengalami kebocoran nilai ke luar dengan melihat kepada tren sebahagian rakyat yang cenderung berbelanja dan mendapatkan perkhidmatan di luar negara, termasuk perubatan.
- 29) **[PL200] : Yang Berhormat Dayang Hajah Rosmawatty binti Haji Abdul Mumin** meminta **MENTERI PEMBANGUNAN** menyatakan apakah ada perancangan Kementerian untuk menjadikan RPN Lugu sebagai *New Satellite Town* yang akan menghubungkan semua fasa pembinaan yang ada dengan kemudahan infrastruktur yang diungkayahkan oleh penduduk tempatan komuniti tersebut untuk membina komuniti aktif, sihat, inklusif dan saling berhubung?

4. USUL BILANGAN No. 4

USUL KEAHLIAN MAJLIS MESYUARAT NEGARA KEPADA *INTER-PARLIAMENTARY UNION* (IPU) DAN *COMMONWEALTH PARLIAMENTARY ASSOCIATION* (CPA)

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Suyoi bin Haji Osman, P.S.N.B., D.P.M.B., P.J.K., P.I.K.B., P.K.L., Ahli Majlis Mesyuarat Negara akan mencadangkan :

“MENYEDARI bahawa *Majlis Mesyuarat Negara* telah menjadi *Negara Pemerhati* kepada *Inter-Parliamentary Union (IPU)* dan *Commonwealth Parliamentary Association (CPA)* selama beberapa tahun.

MENYOKONG usaha pertubuhan antarabangsa bagi mengukuhkan diplomasi parlimen (parliamentary diplomacy) dengan memaju hubungan dua hala dan pelbagai hala antara Negara Brunei Darussalam dan negara-negara serantau. Majlis Mesyuarat Negara berhasrat untuk menjadi Ahli penuh kepada Inter-Parliamentary Union (IPU) dan Commonwealth Parliamentary Association (CPA).

BAHAWA Majlis ini bersetuju bagi Majlis Mesyuarat Negara menjadi Ahli kepada Inter-Parliamentary Union (IPU) dan Commonwealth Parliamentary Association (CPA), yang dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Bil No. 6 Tahun 2025.”

5. USUL BILANGAN No. 1 USUL WAWASAN BRUNEI 2035

Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Awang Haji Halbi bin Haji Mohd. Yussof, DPKT., SMB., PHBS., Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II akan mencadangkan :

“MENJUNJUNG titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bahawa perjalanan menuju Wawasan Brunei 2035 memerlukan kerjasama, inovasi dan semangat juang yang tinggi dari semua pihak. Dewan ini perlu meneliti cadangan dan idea yang dikemukakan dengan mengambil kira emerging issues di peringkat global, untuk diambil tindakan oleh pihak-pihak berkepentingan mengikut kesesuaiannya.

MENYEDARI bahawa Wawasan Brunei 2035 diterbitkan melalui Badan Perencana Kemajuan Jangka Panjang pada tahun 2004 bagi merancang pembangunan negara dalam tempoh 30 tahun ke hadapan. Hanya tinggal 10 tahun bagi merealisasikan Wawasan Brunei 2035.

MEMPERAKUI bahawa usaha-usaha mengukuhkan pelaksanaan strategik dan pelan-pelan tindakan menjurus kepada mencapai Matlamat-Matlamat Utama Wawasan dijalankan melalui Manpower Blueprint bagi Matlamat Pertama yang diterajui oleh Kementerian Pendidikan dan Majlis Perancangan Tenaga Manusia dan Pekerjaan (MPTMP); Social Blueprint bagi Matlamat Kedua yang diterajui oleh Jabatan Perdana Menteri dan Majlis Kebangsaan Isu Sosial (MKIS); dan Economic Blueprint bagi Matlamat Ketiga yang diterajui oleh Kementerian Kewangan dan Ekonomi.

MEMAHAMI bahawa keadaan dunia sangat sukar diramal dan negara juga tidak terkecuali dari menghadapi kesan-kesan global seperti konflik geopolitik dan situasi ekonomi tidak menentu. Kesan ini mencabar pelaksanaan Wawasan Brunei.

BAHAWA dalam memastikan Negara Brunei Darussalam akan merealisasikan Wawasan Brunei 2035, Majlis ini mengusulkan bagi tindakan dan sokongan bersepadu digagaskan dengan pendekatan senegara bagi merealisasikan matlamat-matlamat Wawasan Brunei 2035.”

6. PERTANYAAN BAGI JAWAB BERTULIS

- 1) **[PT048] : Yang Berhormat Awang Haji Daud bin Jihan** meminta **MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI** menyatakan apakah tindakan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) dalam menstabilkan dan mengemaskini sistem PSC, memandangkan sistem tersebut sering mengalami gangguan dan tidak dikemas kini, sekali gus menyukarkan pencari kerja dalam sektor kerajaan?
- 2) **[PT049] : Yang Berhormat Awang Haji Daud bin Jihan** meminta **MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI** menyatakan adakah penurunan kadar pengangguran di Brunei dipengaruhi oleh penyertaan peserta Skim Perantis Perkhidmatan Awam (SkiPPA)? Sejauh mana program ini menyumbang kepada peluang pekerjaan jangka panjang?
- 3) **[PT056] : Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman** meminta **MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI** menyatakan apakah pihak RTB dapat memberi ‘air time’ yang cukup untuk membuat liputan isu-isu ekonomi dengan banyak menumpukan kepada berita-berita mengenai projek-projek kerajaan yang sudah, sedang dan akan berjalan agar rakyat dapat mengetahui sejauh mana perancangan dan projek-projek di bawah Wawasan Brunei 2035 mencapai sasaran.
- 4) **[PT067] : Yang Berhormat Dayang Hajah Rosmawatty binti Haji Abdul Mumin** meminta **MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI** menyatakan bagaimanakah Kementerian merancang memperkukuhkan perlindungan undang-undang terhadap keganasan rumah tangga melalui akta yang komprehensif dan inklusif (termasuk lelaki), serta menyediakan sokongan efektif kepada mangsa?

-
- 5) **[PT075] : Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Md. Yusof** meminta **MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI** menyatakan apakah penilaian terhadap keberkesanan pemprosesan pengisian dan pelantikan jawatan Perkhidmatan Awam Bahagian II ke bawah sejak kuasa SPA dipindahkan ke Kementerian pada 2024 dari segi kecekapan, keberkesanan, integriti dan kesaksamaan?
- 6) **[PT083] : Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abd. Rahman bin Haji Ibrahim** meminta **MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI** menyatakan berapakah bilangan pegawai yang telah mengikuti *Public Service Development Programme* di Singapura, dan apakah sistem penilaian yang digunakan untuk memantau impak program serta perkembangan kerjaya mereka, khususnya inisiatif dalam memperkasakan perkhidmatan awam?
- 7) **[PT088] : Yang Berhormat Dayang Chong Chin Yee** meminta **MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI** menyatakan apakah langkah yang diambil oleh Kementerian untuk meningkatkan literasi hak cipta dalam kalangan perniagaan dan penggiat kreatif tempatan melalui pendidikan, pendekatan bersasar atau penglibatan industri demi melindungi hasil kreatif dan aset intelektual dengan lebih berkesan?
- 8) **[PT095] : Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin** meminta **MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan bercadang memperluaskan tempoh penempatan SkiPPA dan i-Ready dari satu tahun kepada kontrak berasaskan projek dua hingga tiga tahun untuk menyokong pemodenan pentadbiran dan membolehkan graduan membina kemahiran mendalam serta impak berkekalan selaras Wawasan Brunei 2035?
- 9) **[PT061] : Yang Berhormat Dayang Hajah Safiah binti Sheikh Haji Abd. Salam** meminta **MENTERI HAL EHWAL UGAMA** menyatakan apakah keberkesanan Kursus Latihan Asas Kesihatan Mental untuk pemimpin masyarakat (imam, ustaz, daie) dalam meningkatkan kesedaran serta mengurangkan stigma kesihatan mental dari perspektif Islam? Bagaimana penilaian untuk mengukur keberkesananannya?

-
- 10) **[PT066] : Yang Berhormat Dayang Hajah Rosmawatty binti Haji Abdul Mumin** meminta **MENTERI HAL EHWAL UGAMA** menyatakan bagaimanakah Kementerian memanfaatkan peranan daie dalam menangani isu sosial seperti LGBT, anak luar nikah dan pengabaian warga emas melalui pendekatan "*Street Dakwah*"? Sejauh mana keberkesanan program Dakwah Academy 5.0 dalam memperkasa daie agar lebih dekat dengan komuniti dan peka terhadap isu semasa?
- 11) **[PT078] : Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Md. Yusof** meminta **MENTERI HAL EHWAL UGAMA** menyatakan sejauh manakah Jabatan Urusan Zakat, Waqaf & Baitulmal (JUZWAB) diperkasa untuk mengembangkan zakat, waqaf dan baitulmal secara strategik dan berimpak tinggi? Apakah langkah diambil untuk mengadaptasi amalan terbaik dari Malaysia dan Singapura dalam menjana pendapatan waqaf dan memperkasakan sosioekonomi umat Islam, selaras dengan Maqasid Syariah?